

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[ TASEK GELUGOR ]**

**TARIKH : 12.11.2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 5**

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk memperkenalkan suatu medan jualan atas talian atau aplikasi mudah alih seperti Lazada atau Shopee yang memberi fokus hanya kepada produk-produk usahawan tempatan atau industri kecil dan sederhana bagi membantu dan menyokong produk tempatan serta memberi ruang produk tempatan menembusi pasaran antarabangsa dengan lebih sistematik.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

1. Kementerian tiada halangan bagi cadangan memperkenalkan *marketplace* baru khas kepada produk tempatan amnya serta Buatan Malaysia khususnya. Namun begitu isu keselamatan dan label pada produk yang digunakan serta dimakan perlu diberi keutamaan agar keselamatan pengguna dapat dijamin.

## **NO SOALAN : 5**

2. Kementerian turut menganjurkan misi perdagangan ke Luar Negara secara strategik bersama-sama pasar raya besar asing di Malaysia bagi memperkenal dan mempromosikan Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) melalui Program (Malaysian Goes Global/Taste of Malaysia) khususnya di Sarajevo, Shanghai dan Dubai yang diyakini berupaya untuk merintis peluang pasaran kepada produk-produk tempatan yang berpotensi dan berkualiti untuk diketengahkan di pasaran antarabangsa.
3. Kementerian ini juga turut memanfaatkan kelebihan ekosistem ekonomi digital dan infrastruktur e-dagang di Negara ini melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif kempen, promosi, diskaun jualan secara berterusan melalui portal online marketplace utama di Malaysia seperti Lazada, Shopee, Presto Mall dan marketplace lain yang mempunyai capaian trafik atas talian yang tinggi.
4. Kerjasama pihak kementerian dan Shopee contohnya telah mencatatkan peningkatan kenaikan tempahan sebanyak 132 peratus bagi barang buatan Malaysia yang terdapat lebih kurang 3500 produk usahawan tempatan.
5. Selain itu, pihak Kementerian juga turut bekerjasama dengan syarikat penerbangan Air Asia untuk mempromosikan produk-produk tempatan di dalam pesawat Air Asia menerusi inflight menu, katalog dan juga marketplace Air Asia iaitu OURSHOP dan juga ROKKI.com.

Sekian, terima kasih.